

## **MAKLUMAN UMUM PENDAFTARAN KURSUS SESI II : 2024/2025**

### **A. MAKLUMAN**

1. PENDAFTARAN KURSUS DILAKUKAN SENDIRI OLEH PELAJAR SECARA *ONLINE* MELALUI LAMAN SESAWANG PSMZA (<https://psmza.mypolycc.edu.my>) MENERUSI SISTEM MAKLUMAT PELAJAR POLITEKNIK, *SPMP*.
2. PENDAFTARAN KURSUS HANYA BOLEH DILAKUKAN SELEPAS PELAJAR MEMBAYAR YURAN PENGAJIAN DAN TELAH **DIAKTIFKAN STATUSNYA** OLEH JABATAN HAL EHWAL PEMBANGUNAN PELAJAR (JHEPP), PSMZA. YURAN PENGAJIAN HENDAKLAH DIBAYAR SELEWAT-LEWATNYA PADA **09 JANUARI 2025** KERANA JHEPP AKAN MENGAMBIL MASA 24/48 JAM (BERGANTUNG KEPADA AKAUN BANK PELAJAR) UNTUK MENGAKTIFKAN PELAJAR TERSEBUT SEBAGAI PELAJAR PSMZA.
3. PELAJAR HENDAKLAH MENDAFTAR KURSUS MENGIKUT SUSUNAN YANG DITETAPKAN DI DALAM STRUKTUR PROGRAM UNTUK MENGELAKKAN DARI TERCICIR MANA-MANA KURSUS.
4. **PENDAFTARAN KURSUS HANYA DIJALANKAN PADA TARIKH DAN MASA YANG DITETAPKAN SAHAJA.**
5. **KEGAGALAN PELAJAR MEMATUHI WAKTU YANG DITETAPKAN, PELAJAR DIANGGAP TIDAK MENDAFTAR KURSUS.** PELAJAR HENDAKLAH MEMAHAMI IMPLIKASI AKIBAT TIDAK MENDAFTAR KURSUS SEPERTIMANA YANG TERMAKTUB DALAM *ARAHAN-ARAHAN PEPERIKSAAN DAN KAEDAH PENILAIAN POLITEKNIK*.
6. BAGI PELAJAR BAHARU, PENDAFTARAN KURSUS AKAN DIJALANKAN PADA **09 JANUARI 2025** SEMASA SLOT SESI BERSAMA JABATAN. PENASIHAT AKADEMIK (PA) AKAN MEMBIMBING PELAJAR BAHARU CARA/KAEDAH MENDAFTAR KURSUS MENGGUNAKAN SPMP. **PENASIHAT AKADEMIK** BAGI PELAJAR SEMESTER SATU HENDAKLAH MEMASTIKAN SEGALA URUSAN PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU AKAN SELESAI PADA TARIKH TERSEBUT.
7. JIKA TERDAPAT SEBARANG PERMASALAHAN BERKAITAN PENDAFTARAN KURSUS, PELAJAR BOLEH BERTANYA UNTUK MENDAPAT KHIDMAT NASIHAT DARIPADA PENASIHAT AKADEMIK (PA)/ PENSYARAH KURSUS (PK)/ URUSETIA/ JAWATANKUASA PENDAFTARAN KURSUS PSMZA.
8. PENASIHAT AKADEMIK AKAN MENGESAHKAN PENDAFTARAN KURSUS YANG DILAKUKAN OLEH PELAJAR MELALUI MODUL i-PAD DI DALAM SPMP.
9. KULIAH SESI II : 2024/2025 AKAN BERMULA PADA **AHAD, 12 JANUARI 2025.**

### **B. KATEGORI PELAJAR KETIKA PENDAFTARAN KURSUS:**

1. PELAJAR SENIOR.
  - i. **PENDAFTARAN KURSUS ADALAH BERMULA DARI 5-11 JANUARI 2025 (SPMP).** SEMUA PELAJAR DISARANKAN UNTUK MENGHUBUNGI PENASIHAT AKADEMIK DAN PENSYARAH KURSUS TERLEBIH DAHULU SEBELUM MENDAFTAR KURSUS BAGI MEMASTIKAN KURSUS YANG DIPILIH ADALAH BETUL MENGIKUT STRUKTUR PROGRAM YANG TELAH DITETAPKAN.
  - ii. PELAJAR SENIOR YANG MENGULANG/GUGUR KURSUS HENDAKLAH MENGULANG KURSUS TERSEBUT PADA SEMESTER BERIKUT SEKIRANYA KURSUS ITU DITAWARKAN KECUALI PADA KEADAAN-KEADAAN TERTENTU YANG TIDAK MEMUNGKINKAN PELAJAR BERBUAT DEMIKIAN DAN HENDAKLAH MENDAPAT PERSETUJUAN DARIPADA KETUA JABATAN AKADEMIK.
  - iii. **PENDAFTARAN KURSUS PELAJAR MENGULANG/GUGUR KURSUS HENDAKLAH DISELESAIKAN SELEWAT-LEWATNYA 09 JANUARI 2025.**

## 2. PELAJAR SEMESTER SATU/PELAJAR BAHARU

PENDAFTARAN KURSUS ADALAH MELALUI PA MASING-MASING PADA **09 JANUARI 2025** DI LOKASI BERIKUT;

BIL	JABATAN	TEMPAT
1)	JKA	LAB COMP JKA
2)	JKE	DKE
3)	JKM	AUTOCAD 3
4)	JTMK	DKU

\*Sebarang perubahan tempat, sila rujuk PA masing-masing

## C. PROSES/ PROSEDUR PENDAFTARAN KURSUS KEPADA PELAJAR YANG MENGULANG/GUGUR KURSUS.

1. MENGHUBUNGI/BERJUMPA DENGAN PENASIHAT AKADEMIK (PA);
  - I. MENDAPATKAN KHIDMAT NASIHAT KURSUS YANG AKAN DIDAFTARKAN.
  - II. MEMAKLUMKAN KURSUS YANG TELAH GAGAL/GUGUR PADA SESI SEBELUMNYA.
2. RUJUK JADUAL WAKTU KELAS DAN JADUAL INDUK JABATAN YANG DIPAPARKAN DALAM WEB SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT POLITEKNIK (SPMP) DI **SPMP.PSMZA.EDU.MY** DENGAN LOGIN MENGGUNAKAN NO KAD PENGENALAN & KATA LALUAN ADALAH NO PENDAFTARAN PELAJAR. BERBINCANG DENGAN PA.
3. MEMBUAT PERANCANGAN KURSUS YANG AKAN DIAMBIL DENGAN MENGAMBIL KIRA **KURSUS ULANG TERLEBIH DAHULU** DAN MENDAPATKAN PENGESAHAN DARIPADA PENASIHAT AKADEMIK.
4. MENGHUBUNGI ATAU BERJUMPA DENGAN PENSYARAH KURSUS (PK) BAGI **KURSUS ULANG** UNTUK MENDAPATKAN KEBENARAN BELAJAR DENGAN PK TERSEBUT SEBELUM MENDAFTAR KURSUS DALAM SPMP.
5. PENUHKAN JADUAL KOSONG YANG DIBERIKAN (CETAK SENDIRI) DENGAN MEMASUKKAN KURSUS YANG HENDAK DIAMBIL DENGAN TIDAK MELEBIHI 20 JAM KREDIT
6. MENDAFTAR KURSUS YANG TELAH DIRANCANG SELEPAS MENDAPAT PENGESAHAN PA DAN PK (ULANG KURSUS) SECARA **ONLINE** MELALUI SPMP.
7. PENDAFTARAN KURSUS SELESAI.
8. SIMPAN JADUAL YANG DI ISI UNTUK DIRUJUK KETIKA MENGIKUTI KULIAH. CETAK DAN SIMPAN SLIP PENDAFTARAN KURSUS UNTUK RUJUKAN AKAN DATANG DAN DI BAWA SEMASA PEPERIKSAAN AKHIR NANTI.